

**NO SOALAN :24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.03.2018**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pecahan kos pembelian aset komersial Fasa 2 projek Battersea Power Station (BPS) bernilai 1.608 bilion pound (RM8.76 bilion) oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Permodalan Nasional Bhd. (PNB). Berapakah nilai hartanah, bayaran kepada pihak konsultan termasuk cukai dan duti setem yang telah dibelanjakan. Apakah perancangan bagi pembelian berkaitan dan faedah kepada rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembelian aset komersial

Fasa 2 projek ini masih tertakluk kepada usaha ketekunan wajar (*due diligence*) selanjutnya, dan ianya telah dirangka agar dapat memberi pulangan jangka panjang yang menarik bagi para pelabur.

Kos *due diligence* masih di peringkat awalan dan pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjangkakan maklumat ini akan diperolehi setelah seluruh usaha *due diligence* selesai.

KWSP melihat pelaburan ini sebagai peluang strategik untuk memiliki aset hartanah di London yang dijangka boleh menjana aliran pendapatan yang mapan pada masa hadapan seterusnya memenuhi objektif pelaburan jangka panjang dan dapat memberi manfaat kepada ahli KWSP.